

03/11/2003

Hari penuh emosi di Putrajaya

Mohd Azlan Jaafar

MOHD Mahathir, 5, dan adiknya Mohd Al-Amin Mohd Halikin, 3, berbaju Melayu

hijau lengkap menanti dengan sabar dalam kepanasan di tangga Kompleks Perdana Putra. Mereka membawa sepanduk dan memakai lencana nama pada dada

seperti kakitangan kerajaan.

Bapa mereka Mohd Halikin Angga, dari Sandakan, Sabah, berkata mereka sekeluarga berada di Kuala Lumpur sejak tiga bulan lalu untuk menyaksikan

peralihan kuasa daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Di pintu masuk kompleks berkenaan, pancaragam dianggotai 18 pelajar Victoria Institution (VI) memainkan lagu, manakala guru mereka setia memegang sepanduk.

Di dalam, kakitangan kerajaan dan orang awam memenuhi laluan dari pintu

bangunan ke tempat kenderaan Dr Mahathir. Semua berharap untuk menatap atau bersalaman dengan Dr Mahathir dan isteri serta menyambut Abdullah, Perdana Menteri kelima.

Selepas bekas Perdana Menteri meletakkan jari pada mesin pengimbas biometrik sebagai tanda mengakhiri perkhidmatan sebagai kakitangan awam, orang ramai menerjah untuk bersalaman.

Panas petang dan dahaga serta kelaparan puasa langsung tidak dihiraukan.

Cuaca panas itu juga sedikit berbeza berbanding hujan setiap petang sejak

hari pertama Ramadan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya.

Perjalanan kira-kira 150 meter menuruni tangga dari bangunan ke kenderaan Proton 2020 Dr Mahathir yang menanti mengambil masa kira-kira 30

minit. Satu perjalanan yang panjang seperti juga perjalanan hidup Che Det

dalam politik dan kerajaan.

Hari itu penuh emosi dan dapat dirasai mereka yang hadir. Sejak awal pagi, kesedihan persaraan Dr Mahathir dapat dilihat walaupun tidak ramai menyatakannya secara terbuka. Pada masa sama wujud keghairahan dan keceriaan mendapat Perdana Menteri baru.

Seorang rakan memberitahu ada yang menangis dan tersentuh ketika membaca

keluaran khas mengenai Dr Mahathir yang dikeluarkan akhbar.

Ketika majlis angkat sumpah Perdana Menteri yang baru di Istana Negara,

mereka yang berada di depan set TV ada yang menangis kerana menyedari Dr Mahathir secara rasmi bukan lagi peneraju kerajaan. Dunia juga melihat peralihan kuasa dalam majlis penuh istiadat, terima kasih kepada teknologi

satelit dan CNN.

Tetapi ramai yang berduka dengan persaraan ini bukan dari kalangan saudara mara, rakan, keluarga atau mereka yang bekerja untuknya selama bertahun-tahun. Mereka juga bukan golongan korporat yang memanfaatkan tender dan projek kerajaan bernilai berjuta-juta ringgit atau menikmati peluang perniagaan disediakan kerajaan.

Sebenarnya, mereka ini adalah ahli politik yang sibuk mengejar kedudukan dan dahan bergantung atau mereka yang mahu memastikan kelangsungan hidup masing-masing.

Satu lagi golongan yang amat berasa kehilangan Dr Mahathir ialah rakyat biasa yang hubungan paling hampir dengan Dr Mahathir adalah di kaca televisyen atau lampiran akhbar. Malah, kebanyakannya tidak pernah seumur hidup berada dalam satu bangunan dengan Dr Mahathir.

Beberapa rakan wartawan turut tergenang air mata ketika sidang akhbar terakhir Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata: "Sedih ...sedihla...tetapi perubahan adalah baik untuk negara." Ketika cuba untuk tidak memburukkan suasana ia seperti saranan Dr Mahathir bahawa kehidupan harus diteruskan. Dan kelahiran pentadbiran baru kerajaan bermula hari ini.

Kira-kira jam 8.00 pagi, Abdullah pula akan meletakkan jari pada mesin biometrik yang berfungsi sebagai perakam waktu dan mengesahkan hari pertamanya sebagai Perdana Menteri di pejabatnya di Tingkat Lima Kompleks Perdana Putra. Justeru, era Abdullah bermula.

Pepatah mengatakan Rom tidak dibina dalam sehari. Abdullah memerlukan masanya sendiri bagi memahat kenangan dan legasinya dalam sejarah pembangunan Malaysia moden. Ia mengambil Dr Mahathir 22 tahun.

Apapun yang bakal menanti pada masa depan di bawah Era Pak Lah, adik beradik Mohd Mahathir dan Mohd Al-Amin menjadi sebahagian sejarah kerana berada di laman Kompleks Perdana Putra. Mungkin satu hari nanti, mereka akan memberitahu orang lain, saat itulah...semuanya bermula.